

Pusat Minda Lestari UMS raikan 28 graduan cilik tamat prasekolah

UB 24.02.2023 P.02

KOTAKINABALU:Seramai 28 murid Pusat Minda Lestari (PML), Universiti Malaysia Sabah (UMS) diraikan dalam Majlis Gra-duasi sesi 2022 kali ke-12, di sini, baru-baru ini.

Bertemakan “Cita-cita Impian Saya”, pemilihan tema tersebut antara lain bertujuan memberi pendedahan tentang cita-cita dan hala tuju yang boleh diimpikan para murid pada masa hadapan.

Majlis perasmianya disempurnakan Pengarah PML, Dr. Suwaibah Zakaria di Mini Auditorium Fakulti Psikologi dan Pendidikan (PPP) UMS.

Berucap pada majlis itu, Dr. Suwaibah berkata, majlis graduasi merupakan program gilang-gemilang yang menjadi acara tahunan PML bagi meraikan murid yang tamat pengajian prasekolah.

“Ia merupakan salah satu acara penting yang mewarnai takwim aktiviti PML di samping aktiviti-aktiviti lain



TERBAIK: Murid yang bergraduasi mengambil gambar kenang-kenangan bersama guru-guru PML dan PIBG. Turut kelihatan Dr. Suwaibah (belakang empat dari kiri).

seperti sukaneka, sambutan Hari Malaysia, Hari Kanak-kanak dan Guru (HAKAGU) dan sebagainya.

“Yang menariknya, persiapan pentas dan persembahan para murid juga adalah mengikut tema yang dipilih pada majlis graduasi kali ini,” katanya.

Beliau berkata, pusat jaga-an dan didikan awal kanak-kanak merupakan satu keperluan utama bagi para ibu bapa

yang bekerja.

“Ibu bapa akan lebih produktif dalam pekerjaan apabila keperluan penjagaan dan pendidikan awal anak-anak mereka terjamin.

“Inilah tugas yang perlu dipikul PML iaitu menyediakan perkhidmatan terbaik khususnya kepada kakitangan UMS yang mempunyai anak di peringkat awal usia,” katanya.

Ujar beliau, jika sebelum

ini ada antara murid kurang berkeyakinan, kini setelah berada di PML terdapat perubahan sikap yang positif dalam kalangan mereka.

“Pengajaran dan pembelajaran yang diterapkan di PML berorientasikan pembinaan self-esteem atau keyakinan diri.

“Semangat kerjasama dalam kalangan mereka turut dipupuk sejak bermula hari pertama melangkah ke

dalam kelas.

“Hasilnya seperti yang kita lihat pada majlis graduasi ini, ramai murid berjaya menyertai pelbagai acara yang diadakan,” katanya.

Hadir sama Guru Besar PML, Zaleha Abdul Ghani; Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) PML, Dr. Saifulazry Mokhtar; dan Setiausaha PIBG PML, Dr. Lailawati Madlan @ Endalan.